BAB 5

BAB 5

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

5.1: Pendahuluan:

Kajian ini diadakan bertujuan untuk melihat corak tingkah laku kepimpinan pengetua sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam. Dari itu, bab ini mengandungi analisis secara deskriptif dan dibahagikan kepada beberapa bahagian yang berikut: i) pembolehubah demografik pengetua; ii) pembolehubah demografik guru responden; dan iii) analisis data persepsi guru-guru dan pengetua terhadap tingkah laku kepimpinan pengetua-pengetua di sekolah-sekolah menengah yang terlibat menurut soalan-soalan penyelidikan yang berkenaan.

5.2: Pembolehubah Demografik Pengetua:

Dalam kajian ini kesemua 26 orang pengetua telah memberikan maklum balas mengenai latar belakang dan pengalaman diri masing-masing.

Maklum balas mengenai diri pengetua dapatlah dikumpulkan dan dihuraikan sebagai pembolehubah demografik pengetua.

5.2.1: Jantina:

Jadual 5.1:

Pembolehubah Demografik Pengetua:
Mengikut Jantina.

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	22	84.6
Perempuan	4	15.4
JUMLAH	26	100

Jadual 5.1 menunjukkan daripada jumlah 26 orang pengetua sekolah menengah yang terlibat dalam kajian di Brunei Darussalam seramai 22 orang pengetua (84.6 peratus) adalah lelaki dan hanya 4 orang sahaja (15.4 peratus) pengetua perempuan.

Pada keseluruhannya, jelas bahawa sebahagian besar pengetua di Negara Brunei Darussalam adalah terdiri dari pengetua lelaki. Ini bermakna pengetua yang terlibat dalam kajian ini sebahagian besarnya adalah lelaki.

5.2.2: Umur:

Jadual 5.2:

Pembolehubah Demografik Pengetua: Mengikut Umur.

Umur	Bilangan	Peratus
Kurang dari 30 tahun	0	0
30 -34 tahun	2	7.7
35 - 39 tahun	9	34.6
40 – 44 tahun	9	34.6
Lebih dari 45 tahun	6	23.1
JUMLAH	26	100

Jadual 5.2 menunjukkan peringkat umur bagi pengetua di sekolah-sekolah menengah yang dikaji. Daripada jumlah 26 pengetua, tidak ada seorang pun yang berumur kurang daripada 30 tahun. Terdapat 2 orang pengetua (7.7 peratus) yang berumur di antara 30-34 tahun. Seramai 9 orang pengetua (34.6 peratus) yang berumur 35-39 tahun. Seramai 9 orang (34.6 peratus) juga yang berumur 40-44 tahun. Dan hanya 6 orang pengetua (23.1 peratus) yang berumur lebih dari 45 tahun. Pada keseluruhannya dapat dilihat bahawa sebahagian besar pengetua di sekolah-sekolah menengah yang dikaji

adalah berumur lebih daripada 35 tahun. Hanya terdapat 2 orang daripada 26 orang pengetua yang berumur kurang daripada 35 tahun.

5.2.3: Kelulusan Akademik:

Jadual 5.3:

Pembolehubah Demografik Pengetua:
Kelulusan Tertinggi Akademik.

Kelulusan Akademik	Bilangan	Peratus
Ijazah Sarjana Muda	20	76.9
Ijazah Sarjana	6	23.1
JUMLAH	26	100

Jadual 5.3, menunjukkan bilangan pengetua mengikut kelulusan akademik yang mereka miliki. Seramai 20 orang (76.9 peratus) mempunyai ijazah sarjana muda dan 6 orang (23.1 peratus) mempunyai kelulusan ijazah sarjana. Boleh disimpulkan bahawa kesemua pengetua di sekolah-sekolah menengah yang dikaji adalah berkelulusan ijazah sama ada ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana. Ini sesuai dengan jawatan pengetua yang menjadi pemimpin sekolah perlu memiliki kelulusan ijazah sarjada muda dan kelulusan yang lebih tinggi lagi.

5.2.4: Kelulusan Profesional:

Jadual 5.4:

Pembolehubah Demografik Pengetua: Kelulusan Profesional.

Kelulusan Profesional	Bilangan	Peratus
Lulus Maktab Perguruan	5	19.2
Lulus Diploma Pendidikan	15	57.7
Kelulusan-kelulusan lain	6	23.1
JUMLAH	26	100

Jadual 5.4, menunjukkan kelulusan profesional yang dimiliki oleh pengetua iaitu, seramai 5 orang pengetua (19.2 peratus) lulus maktab perguruan. Manakala 15 orang (57.7 peratus) telah lulus diploma dalam pendidikan, dan 6 orang (23.1 peratus) menyatakan memiliki kelulusan lain. Ini jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar dari pengetua-pengetua yang terlibat di dalam kajian mempunyai kelulusan diploma dalam pendidikan ini bermakna mereka memperolehi ijazah terlebih dahulu sebelum memasuki profesion perguruan. Hanya 5 orang dari 26 orang pengetua yang mengikut latihan maktab perguruan sebelum menjadi guru, kemudian mendapat ijazah dengan meneruskan pengajian ke peringkat universiti semasa dalam perkhidmatan.

5.2.5: Pengalaman Sebagai Guru Sebelum dilantik Menjadi Pengetua:

Jadual 5.5:

Pembolehubah Demografik Pengetua:
Pengalaman Sebagai Guru Sebelum Dilantik Menjadi Pengetua
Berdasarkan Bilangan Tahun.

Pengalaman Sebagai Guru Sebelum Jadi Pengetua	Bilangan	Peratus
Kurang dari 5 tahun	4	15.4
5 - 9 tahun	6	23.1
10 - 14 tahun	8	30.75
Lebih dari 14 tahun	8	30.75
JUMLAH	26	100

Jadual 5.5 menunjukkan mengikut pengalaman sebagai guru sebelum dilantik sebagai pengetua berdasarkan bilangan tahun, dari jumlah 26 orang pengetua hanya 4 orang sahaja (15.4 peratus) yang berpengalaman sebagai guru kurang dari 5 tahun. Selebihnya 6 orang (23.1 peratus) berpengalaman lebih 5 tahun ke 9 tahun. Manakala 8 orang (30.75 peratus) mempunyai pengalaman 10 ke 14 tahun dan 8 orang lagi (30.75 peratus) berpengalaman lebih 14 tahun. Ini menunjukkan kebanyakan pengetua mempunyai pengalaman sebagai guru lebih 10 tahun iaitu 16 orang daripada 26 orang

(61.5 peratus). Ini bersesuaian dengan lantikan pengetua berdasarkan pengalaman dan kekananan(*seniority*). Di Brunei Darussalam lantikan pengetua biasanya berdasarkan pengalaman dan kekananan seseorang guru itu di samping ciri-ciri yang lain boleh dipertimbangkan seperti kelulusan pengurusan dan pentadbiran pendidikan.

5.2.6: Pengalaman Bertugas Sebagai Pengetua di Sekolah Kajian Berdasarkan Bilangan Tahun:

Jadual 5.6:

Pembolehubah Demografik Pengetua: Mengikut Pengalaman Bertugas Sebagai Pengetua di Sekolah Kajian Berdasarkan Bilangan Tahun.

Pengalaman Sebagai Pengetua Di Sekolah Kajian	Bilangan	Peratus
Kurang dari 5 tahun	24	92.3
5 - 9 tahun	2	7.7
Lebih dari 10 tahun	0	0
JUMLAH	26	100

Jadual 5.6 menunjukkan mengenai pengalaman sebagai pengetua di sekolah kajian berdasarkan bilangan tahun. Ternyata 24 orang (92.3 peratus)

daripada 26 orang pengetua bertugas di sekolah kajian kurang dari 5 tahun dan hanya 2 orang pengetua (7.7 peratus) yang menyatakan bertugas di antara 5 ke 9 tahun dan tidak ada yang bertugas melebihi 10 tahun. Ini membuktikan sebahagian besar kecuali 2 orang (7.7 peratus) daripada 26 orang pengetua bertugas di sekolah kajian kurang dari 5 tahun. Ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan pengetua baru bertukar ke sekolah itu atau sekolah berkenaan baru sahaja dibuka dan digunakan (terdapat 8 buah sekolah menengah baru dibuka pada 9 Mei 1994). Hanya 2 orang daripada 26 orang pengetua (7.7 peratus) didapati menetap di sekolah menengah berkenaan lebih 5 tahun.

5.2.7: Pengalaman Bertugas Sebagai Pengetua Termasuk di Sekolah-Sekolah Sebelum ini:

Jadual 5.7:

Pembolehubah Demografik Pengetua:
Mengikut Pengalaman Bertugas Sebagai Pengetua
Termasuk di Sekolah-Sekolah Sebelum ini.

Pengalaman Bertugas Sebagai Pengetua	Bilangan	Peratus
Kurang dari 5 tahun	7	26.9
5 - 9 tahun	9	34.6
10 - 14 tahun	6	23.1
Lebih dari 14 tahun	4	15.4
JUMLAH	26	100

Jadual 5.7 menunjukkan, mengikut pengalaman bertugas sebagai pengetua termasuk di sekolah-sekolah sebelum ini, bahawa terdapat 7 orang (26.9 peratus) daripada 26 orang pengetua telah pernah menjadi pengetua kurang dari 5 tahun. Manakala 9 orang (34.6 peratus) telah menjadi pengetua di antara 5 ke 9 tahun. Seterusnya 6 orang (23.1 peratus) menjadi pengetua di antara 10 ke 14 tahun, dan sementara itu 4 orang (15.4 peratus) yang mempunyai pengalaman sebagai pengetua melebihi 14 tahun. Ini dapat menjelaskan bahawa pengetua-pengetua di Brunei Darussalam

kebanyakannya mempunyai pengalaman sebagai pengetua dan telah menjawat jawatan sebagai pengetua di sekolah kajian dan di sekolah-sekolah sebelumnya melebihi jangka masa 5 tahun iaitu seramai 19 orang (73.1 peratus) daripada 26 orang pengetua seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.7.

5.2.8: Bilangan Sekolah Tempat Bertugas Sebagai Pengetua Sehingga Kini:

Jadual 5.8:

Pembolehubah Demografik Pengetua:
Bilangan Sekolah Tempat Bertugas Sebagai Pengetua Sehingga Kini.

Bilangan Sekolah Tempat Bertugas Sehingga Kini	Bilangan	Peratus
Sebuah sekolah	6	23.1
2 buah	7	26.9
3 buah	8	30.7
4 buah	1	3.9
5 buah	4	15.4
JUMLAH	26	100

Jadual 5.8 menunjukkan bilangan sekolah menengah yang pernah :ngetua berkenaan bertugas sebagai pengetua. Didapati 6 orang (23.1 :ratus) daripada 26 orang pengetua hanya bertugas di sebuah sekolah ıhaja, iaitu sekolah tempat bertugas sekarang. Seramai 7 orang (26.9 :ratus) telah bertugas sebagai pengetua di 2 buah sekolah menengah. :ramai 8 orang (30.7 peratus) bertugas di 3 buah sekolah. Hanya seorang .9 peratus) pernah bertugas di 4 buah sekolah. Manakala 4 orang (15.4 :ratus) pernah bertugas di 5 buah sekolah. Ini menunjukkan pengetua-:ngetua dalam kajian sebilangan besarnya telah pernah bertugas sebagai :ngetua tidak kurang daripada 2 buah sekolah menengah dan didapati 13 :ang pengetua (50 peratus) telah bertugas di 3 buah sekolah menengah :bagai pengetua. Ini dapat menjelaskan bahawa pengetua di Brunei arussalam tidak begitu menetap di sekolah yang sama dalam jangka masa ıng panjang seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.8.

5.2.9: Pengalaman Sebagai Penyelia Sekolah Sebelum Menjadi Pengetua:

Jadual 5.9:

Pembolehubah Demografik Pengetua:
Pengalaman Sebagai Penyelia Sekolah Sebelum Menjadi Pengetua.

Pengalaman Sebagai Penyelia	Bilangan	Peratus
Pernah	4	15.4
Tidak Pernah	22	84.6
JUMLAH	26	100

Jadual 5.9 menunjukkan pengalaman bertugas sebagai penyelia sekolah sebelum dilantik menjadi pengetua. Dari maklumat tersebut menyatakan hanya 4 orang (15.4 peratus) daripada 26 orang pengetua telah pernah diberi jawatan sebagai penyelia sekolah. Manakala selebihnya 22 orang pengetua (84.6 peratus) tidak pernah menjawat sebagai penyelia sekolah. Ini menunjukkan bahawa sebilangan besar pengetua-pengetua sekolah menengah di Brunei Darussalam tidak mempunyai pengalaman sebagai penyelia sekolah dalam karier mereka sebelum dilantik menjadi pengetua.

5.2.10: Kursus Pentadbiran Pendidikan Yang Diikuti Oleh Pengetua:

Jadual 5.10:

Pembolehubah Demografik Pengetua:
Kursus Pentadbiran Pendidikan Yang Diikuti Oleh Pengetua.

Mengikuti Kursus Pentadbiran Pendidikan	Bilangan	Peratus
Pernah	25	96.1
Tidak Pernah	1	3.9
JUMLAH	26	100

Jadual 5.10 pula menunjukkan pengetua pernah mengikuti mana-mana kursus yang berkenaan pentadbiran pendidikan. Ternyata 25 orang (96.1 peratus) daripada 26 orang pengetua telah menyatakan mereka pernah mengikuti kursus yang mengenai pentadbiran pendidkan. Manakala hanya seorang (iaitu 3.9 peratus) sahaja yang menyatakan tidak pernah. Pada keseluruhannya pengetua-pengetua di Brunei Darussalam menerima pendedahan mengenai aspek pentadbiran pendidikan. Ini jelas menunjukkan pengetua-pengetua di Brunei Darussalam mempunyai beberapa pengetahuan dalam aspek pentadbiran pendidikan seperti ditunjukkan oleh Jadual 5.10 di atas.

5.3 Pembolehubah Demografik Guru Responden:

Dalam bahagian ini seramai 234 orang guru dari sekolah-sekolah menengah telah diberikan soal selidek yang terdiri dari kesemua 26 buah sekolah yang ada di Brunei Darussalam. Setiap sekolah telah diberikan 9 buah soal selidik untuk 9 orang guru mereka termasuk pegawai pelajaran tempatan dan ekspatriat. Maklum balas mengenai latar belakang dan pengalaman diri dari 234 orang guru itu telah dikumpulkan dan dihuraikan seperti berikut:

5.3.1: Jantina:

Jadual 5.11:

Pembolehubah Demografik Guru Responden: Mengikut Jantina.

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	131	56
Perempuan	103	44
JUMLAH	234	100

Jadual 5.11 menunjukkan mengikut jantina guru-guru yang terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah 234 orang guru sekolah menengah yang menjadi responden kepada kajian kes ini didapati seramai 131 orang (56

peratus) adalah guru lelaki dan manakala 103 orang (44 peratus) ialah guru perempuan. Jadinya sebahagian besar dari guru-guru yang dilibatkan dalam kajian ini terdiri dari kalangan guru lelaki iaitu melebihi sebanyak 28 orang (12 peratus) daripada guru perempuan.

5.3.2: Bangsa:

Jadual 5.12:

Pembolehubah Demografik Guru Responden: Mengikut Bangsa.

Bangsa	Bilangan	Peratus
Melayu	149	63.7
Cina	47	20.1
India	16	6.8
Lain-lain	22	9.4
JUMLAH	234	100

Jadual 5.12 menunjukkan mengenai kedudukan bangsa guru-guru yang terlibat dalam kajian ini. Di mana guru Melayu ialah seramai 149 orang (63.7 peratus) daripada 234 orang. Guru Cina seramai 47 orang (20.1 peratus). Manakala guru India seramai 16 orang (6.8 peratus) dan bangsa-bangsa lain ialah seramai 22 orang (9.4 peratus). Ini jelas menunjukkan guru-

guru Melayu adalah merupakan majoriti yang terlibat dalam kajian ini iaitu 63.7 peratus berbanding dengan bangsa-bangsa lain.

5.3.3: Umur:

Jadual 5.13:

Pembolehubah Demografik Guru Responden: Mengikut Umur.

Umur	Bilangan	Peratus
Kurang dari 25 tahun	4	1.7
25 -29 tahun	30	12.8
30 – 34 tahun	60	25.7
Lebih dari 34 tahun	140	59.8
JUMLAH	234	100

Jadual 5.13 menunjukkan mengenai peringkat umur guru-guru yang terlibat dalam memberikan persepsi terhadap tingkah laku pengetua. Didapati guru-guru yang berumur kurang dari 25 tahun hanya 4 orang sahaja (1.7 peratus) daripada 234 orang guru yang dilibatkan dalam kajian. Guru yang berumur di antara 25 tahun ke 29 tahun ialah seramai 30 orang (12.8 peratus). Guru yang berumur di antara 30 ke 34 tahun ialah seramai 60 orang

(25.7 peratus). Manakala guru yang berumur melebihi 34 tahun ialah seramai 140 orang (59.8 peratus). Ini jelas menunjukkan bahawa lebih separuh (iaitu 59.8 peratus) guru-guru yang terlibat dalam kajian adalah berumur 34 tahun ke atas. Begitu juga ramai guru-guru yang berumur di antara 30 ke 34 tahun ialah seramai 60 orang (25.7 peratus) seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.13.

5.3.4: Kelulusan Tertinggi Akademik:

Jadual 5.14:

Pembolehubah Demografik Guru Responden: Kelulusan Tertinggi Akademik.

Kelulusan Akademik	Bilangan	Peratus
Lulus SPM/MCE/GCE 'O'	17	7.3
Lulus STP/HSC/GCE 'A'	27	11.5
Lulus sijil Diploma	11	4.7
Peringkat Ijazah BA/MA	179	76.5
JUMLAH	234	100

Jadual 5.14 menunjukkan kelulusan akademik yang tertinggi yang dimiliki oleh guru-guru yang terlibat dalam kajian. Terdapat 17 orang (7.3 peratus) daripada 234 orang guru dalam kajian ini menyatakan kelulusan

tertinggi mereka ialah peringkat GCE-'O' atau setanding dengan SPM/MCE. Seramai 27 orang (11.5 peratus) pula menyatakan berkelulusan peringkat GCE-'A' atau sebanding dengan STP/HSC. Manakala yang lulus Diploma ialah seramai 11 orang (4.7 peratus). Seterusnya yang lulus peringkat ijazah BA/MA ialah seramai 179 orang iaitu 76.5 peratus. Dari itu kebanyakannya guru-guru yang terlibat dalam kajian ini mempunyai kelulusan ijazah seperti, ijazah Sarjana Muda (BA) dan Sarjana (MA) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 itu.

5.3.5: Kelulusan Profesional:

Jadual 5.15:

Pembolehubah Demografik Guru Responden: Kelulusan Profesional.

Kelulusan Profesional	Bilangan	Peratus
Latihan sambil Kerja	5	2.1
Lulus Maktab Perguruan	83	35.5
Lulus Diploma pendidikan	67	28.6
Kelulusan-kelulusan lain	25	10.7
Tidak ada	54	23.1
JUMLAH	234	100

Jadual 5.15. menerangkan mengenai kelulusan profesional (iktisas) yang dimiliki oleh guru-guru dalam kajian. Terdapat 5 orang (2.1 peratus) daripada 234 orang guru dalam kajian ini menyatakan telah mengikuti 'latihan sambil kerja'. Seramai 83 orang (35.5 peratus) menyatakan telah mengikuti latihan di maktab perguruan. Manakala 67 orang (28.6 peratus) menyatakan telah membuat Diploma Pendidikan. Seterusnya yang membuat kursus-kursus lain ialah seramai 25 orang (10.7 peratus). Sementara itu mereka yang tidak membuat apa-apa kursus profesional ialah seramai 54 orang (23.1 peratus) iaitu mereka yang telah memegang ijazah Sarjana Muda Pendidikan (B.Ed.). Pada dasarnya majoriti guru-guru telah mengikuti latihan profesional perguruan di maktab-maktab perguruan atau institut pendidikan.

5.3.6: Pengalaman Bertugas Sebagai Guru:

Jadual 5.16 menunjukkan mengenai pengalaman bertugas sebagai guru berdasarkan bilangan tahun. Didapati seramai 10 orang (4.3 peratus) daripada 234 orang guru dalam kajian ini masih baru iaitu baru berkhidmat kurang dari setahun. Seramai 24 orang (10.3 peratus) pula telah bertugas sebagai guru antara 1 ke 4 tahun. Manakala seramai 53 orang (22.6 peratus) pula telah berkhidmat sebagai guru dalam lingkungan 5 ke 9 tahun. Dan selebihnya seramai 147 orang (62.8 peratus) adalah telah bertugas lebih dari

9 tahun. Dari itu kebanyakan guru-guru dalam kajian ini iaitu 62.8 peratus telah berkhidmat sebagai guru melebihi 9 tahun.

Jadual 5.16:

Pembolehubah Demografik Guru Responden: Mengikut Pengalaman Bertugas Sebagai Guru Berdasarkan Bilangan Tahun.

Pengalaman Bertugas Sebagai Guru	Bilangan	Peratus
Kurang dari setahun	10	4.3
1 - 4 tahun	24	10.3
5 - 9 tahun	53	22.6
Lebih dari 9 tahun	147	62.8
JUMLAH	234	100

5.3.7: Pengalaman Mengajar Guru di Sekokah Sekarang:

Jadual 5.17:

Pembolehubah Demografik Guru Responden: Mengikut Pengalaman Mengajar Guru di Sekolah Sekarang Berdasarkan Bilangan Tahun.

Pengalaman Mengajar di Sekolah Sekarang ini	Bilangan	Peratus
Kurang dari setahun	44	18.8
1 - 4 tahun	106	45.3
5 - 9 tahun	58	24.8
10 - 14 tahun	11	4.7
Lebih dari 14 tahun	15	6.4
JUMLAH	234	100

Jadual 5.17 pula menunjukkan mengenai pengalaman mengajar guru-guru di sekolah tempat kajian berdasarkan bilangan tahun. Didapati seramai 44 orang (18.8 peratus) daripada 234 orang dalam kajian ini menyatakan mereka bertugas di sekolah itu kurang dari setahun. Kebanyakannya iaitu seramai 106 orang (45.3 peratus) adalah telah bertugas di sekolah berkenaan itu antara 1 ke 4 tahun. Manakala 58 orang (24.8 peratus) telah bertugas di sekolah mereka itu antara 5 ke 9 tahun. Seterusnya hanya 11 orang (4.7

peratus) telah bertugas di sekolah berkenaan antara 10 ke 14 tahun. Selebihnya seramai 15 orang (6.4 peratus) menyatakan telah bertugas lebih 14 tahun di sekolah kajian berkenaan. Kesimpulannya kira-kira 150 orang (64.1 peratus) guru-guru yang terlibat dalam kajian ini baru bertugas kurang dari 5 tahun di sekolah berkenaan terutama bagi sekolah-sekolah menengah yang baru ditubuhkan itu.

5.3.8: Kedudukan Guru/Pegawai:

Jadual 5.18:

Pembolehubah Demografik Guru Responden: Mengikut Kedudukan Guru/Pegawai.

Kedudukan Guru	Bilangan	Peratus
Guru/Pegawai Tempatan	156	66.7
Guru/Pegawai Ekspatriat	78	33.3
JUMLAH	234	100

Jadual 5.18 menunjukkan pembolehubah demografik guru yang terakhir iaitu mengenai kedudukan guru/pegawai pelajaran sama mereka itu guru/pegawai pelajaran tempatan atau pun guru/pegawai pelajaran ekspatriat

(yang diambil bertugas secara kontrak dari luar negeri). Didapati seramai 156 orang (66.7 peratus) adalah terdiri dari guru/pegawai tempatan. Manakala guru/pegawai ekspatriat (guru/pegawai kontrak) pula ialah seramai 78 orang (33.3 peratus). Kesimpulannya dalam kajian ini kumpulan guru/pegawai tempatan adalah lebih besar (66.7 peratus) berbanding dengan kumpulan guru/pegawai pelajaran ekspatriat (33.3 peratus saja) seperti dinyatakan dalam Jadual 5.18 itu.

5.4: Analisis Data Persepsi Guru-Guru dan Pengetua:

Dalam bahagian ini dihuraikan analisis data persepsi guru-guru dan pengetua mengenai tingkah laku kepimpinan pengetua-pengetua di sekolah-sekolah menengah yang menjurus kepada dimensi pendayautamaan struktur dan dimensi timbang rasa menurut soalan-soalan penyelidikan yang berkenaan. Analisis data diperolehi dengan menggunakan "SPSS for MS Window Release 6.0".

5.4.1: Perbezaan Persepsi Guru-Guru Tempatan dan Guru-Guru Ekspatriat Mengenai Tingkah Laku Kepimpinan Pengetua:

ANOVA telah digunakan untuk melihat perbezaan min antara kumpulan responden mengikut taraf guru tempatan dan guru ekspatriat sama

ada wujud perbezaan yang signifikan atau tidak tingkah laku pengetua dari segi dimensi timbang rasa dan dimensi pendayautamaan struktur.

Jadual 5.19

ANOVA tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi timbang rasa mengikut taraf: guru tempatan dan guru ekspatriat:

Sumber	DF	S.S	M.S	F Ratio	F Prob.
Antara Kumpulan	1	1322.45	1322.45	17.8609	.0000
Dalam Kumpulan	258	19102.76	74.04		
Jumlah	259	20425.21			

Jadual 5.19 menunjukkan ANOVA antara kumpulan mengikut kategori taraf guru tempatan dan guru ekspatriat yang dijalankan mendapati perbezaan yang signifikan pada tahap p= < .05. Ini menunjukkan bahawa corak tingkah laku pengetua dimensi bertimbang rasa ke atas guru-guru yang berlainan taraf adalah berbeza. Ini dapat digambarkan dengan nilai min melalui Jadual 5.20:

Jadual 5.20 menunjukkan responden dari kumpulan guru ekspatriat mempunyai min yang lebih tinggi (70.03) berbanding dengan responden dari kumpulan guru tempatan (65.24). Ini menunjukkan bahawa guru-guru

ekspatriat kerap mempersepsikan tingkah laku dimensi timbang rasa dari pengetua mereka berbanding dengan guru-guru tempatan.

Jadual 5.20

Min dimensi timbang rasa mengikut taraf: guru tempatan dan guru ekspatriat:

Kumpulan	Bilangan	Min	S.D
Guru Tempatan	174	65.24	9.05
Guru Ekspatriat	86	70.03	7.61
Jumlah	260	66.83	8.88

Jadual 5.21

ANOVA tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi pendayautamaan struktur mengikut taraf: guru tempatan dan guru ekspatriat:

Sumber	DF	S.S	M.S	F Ratio	F Prob.
Antara Kumpulan	1	2.52	2.52	.0025	.9601
Dalam Kumpulan	258	259269.62	1004.92		
Jumlah	259	259272.14			

Jadual 5.21 menunjukkan ANOVA antara kumpulan mengikut kategori taraf guru tempatan dan guru ekspatriat yang dijalankan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa corak tingkah laku dimensi pendayautamaan struktur pengetua terhadap guru tempatan dan guru ekpatriat tidak begitu berbeza. Ini dapat digambarkan melalui min dalam Jadual 5.22:

Jadual 5.22 menunjukkan responden dari kumpulan guru ekspatriat mempunyai min 53.70 manakala responden dari kumpulan guru tempatan mempunyai min 53.49. Ini menunjukkan bahawa tingkah laku pengetua melalui dimensi pendayautamaan struktur terhadap guru ekspatriat dan guru tempatan tidak terdapat perbezaan yang signifikan iaitu layanan yang diberikan pengetua dalam dimensi ini hampir sama kepada semua guru.

Jadual 5.22

Min dimensi pendayautamaan struktur mengikut taraf: guru tempatan dan guru ekspatriat:

Kumpulan	Bilangan	Min	S.D
Guru Tempatan	174	53.49	38.55
Guru Ekspatriat	86	53.70	5.13
Jumlah	260	53.56	31.64

Kesimpulannya, terdapat perbezaan persepsi guru-guru tempatan dengan guru-guru ekspatriat terhadap tingkah laku kepimpinan pengetua terutama pada dimensi timbang rasa. Tetapi tidak terdapat perbezaan persepsi mereka terhadap tingkah laku pengetua pada dimensi pendayautamaan struktur. Ini bermakna pengetua digambarkan lebih bertimbang rasa terhadap guru ekspatriat berbanding terhadap guru tempatan. Tetapi dari segi pelaksanaan tugas-tugas di sekolah digambarkan sama saja antara guru tempatan dan guru ekspatriat.

5.4.2: Perbezaan Persepsi Tingkah Laku Kepimpinan Pengetua Mengikut Persepsi Pengetua dengan Persepsi Guru-Guru:

ANOVA telah digunakan untuk melihat perbezaan min antara kumpulan responden mengikut status pengetua dan guru sama ada wujud perbezaan yang signifikan atau tidak tingkah laku pengetua dari segi dimensi timbang rasa dan dimensi pendayautamaan struktur.

Jadual 5.23 menunjukkan ANOVA antara kumpulan mengikut kategori status pengetua dan guru yang dijalankan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap $p = < .05$. Ini menunjukkan bahawa corak tingkah laku pengetua dimensi timbang rasa ke atas status yang berlainan iaitu pengetua dan guru adalah tidak berbeza. Ini dapat digambarkan dengan min melalui Jadual 5.24:

Jadual 5.23

ANOVA tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi timbang rasa mengikut status: guru dan pengetua:

Sumber	DF	S.S	M.S	F Ratio	F Prob.
Antara Kumpulan	1	.27	.27	.0034	.9537
Dalam Kumpulan	258	20424.94	79.17		
Jumlah	259	20425.21			

Jadual 5.24

Min dimensi timbang rasa mengikut status: guru dan pengetua:

Kumpulan	Bilangan	Min	S.D
Guru	234	66.82	9.08
Pengetua	26	66.92	6.93
Jumlah	260	66.83	8.90

Jadual 5.24 menunjuk responden dari kumpulan guru mempunyai min yang hampir sama (66.82) berbanding dengan responden dari kumpulan pengetua (66.92). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang

signifikan tingkah laku pengetua dimensi timbang rasa terhadap status yang berlainan iaitu guru dan pengetua.

Jadual 5.25 menunjukkan ANOVA antara kumpulan mengikut kategori status guru dan pengetua yang dijalankan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap p= < .05. Ini menunjukkan bahawa corak tingkah laku dimensi penyempurnaan tugas pengetua terhadap status yang berlainan iaitu guru dan pengetua tidak begitu berbeza. Ini dapat lagi digambarkan melalui min dalam Jadual 5.26:

Jadual 5.25

ANOVA tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi pendayautamaan struktur mengikut status: guru dan pengetua:

Sumber	**DF**	**S.S**	**M.S**	**F Ratio**	**F Prob.**
Antara Kumpulan	1	47.96	47.96	.0477	.8272
Dalam Kumpulan	258	259224.18	1004.74		
Jumlah	259	259272.14			

Jadual 5.26

Min dimensi pendayautamaan struktur mengikut status: guru dan pengetua:

Kumpulan	Bilangan	Min	S.D
Guru	234	51.56	5.87
Pengetua	26	52.27	5.71
Jumlah	260	51.63	5.85

Jadual 5.26 menunjukkan responden dari kumpulan guru mempunyai min 51.56 manakala responden dari kumpulan pengetua mempunyai min 52.27. Ini menunjukkan bahawa anggapan tingkah laku pengetua melalui dimensi pendayautamaan struktur oleh guru dan pengetua tidak terdapat perbezaan yang besar iaitu hampir sama saja antara guru dan pengetua.

Kesimpulannya, tidak terdapat perbezaan persepsi guru-guru dengan persepsi pengetua mengenai tingkah laku kepimpinan pengetua pada kedua-dua dimensi iaitu dimensi timbang rasa dan dimensi pendayautamaan struktur. Ini bermakna pengetua digambarkan lebih kurang sama saja dalam pelaksana tugas-tugas dan timbang rasa antara guru-guru dan pengetua di sekolah.

5.4.3: Perbezaan Persepsi Guru-Guru Mengenai Tingkah Laku Pengetua Mengikut Jantina:

ANOVA telah digunakan untuk melihat perbezaan min antara kumpulan responden mengikut jantina sama ada wujud perbezaan yang signifikan atau tidak mengenai tingkah laku pengetua dari segi dimensi timbang rasa dan dimensi pendayautamaan struktur.

Jadual 5.27

ANOVA tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi timbang rasa mengikut Jantina:

Sumber	DF	S.S	M.S	F Ratio	F Prob.
Antara Kumpulan	1	933.80	933.80	12.3603	.0005
Dalam Kumpulan	258	19491.41	75.55		
Jumlah	259	20425.21			

Jadual 5.27 menunjukkan ANOVA antara kumpulan mengikut kategori jantina yang dijalankan mendapati perbezaan yang signifikan pada tahap p= < .05. Ini menunjukkan bahawa corak tingkah laku pengetua dimensi bertimbang rasa ke atas guru-guru yang berlainan jantina adalah berbeza. Ini dapat digambarkan dengan nilai min jantina melalui Jadual 5.28:

Jadual 5.28

Min dimensi timbang rasa mengikut jantina: lelaki dan perempuan:

Kumpulan	Bilangan	Min	S.D
Lelaki	153	68.41	8.23
Perempuan	107	64.56	9.32
Jumlah	260	66.83	8.88

Jadual 5.29

ANOVA tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi pendayautamaan struktur mengikut jantina:

Sumber	DF	S.S	M.S	F Ratio	F Prob.
Antara Kumpulan	1	650.14	650.14	.6486	.4214
Dalam Kumpulan	258	258622.00	1002.41		
Jumlah	259	259272.14			

Jadual 5.28 menunjuk responden dari kumpulan lelaki mempunyai min yang lebih tinggi (68.41) berbanding dengan responden dari kumpulan perempuan (64.56). Ini menunjukkan bahawa guru/pengetua lelaki

menganggap pengetua lebih mengamalkan tingkah laku dimensi timbang rasa berbanding dari guru/pengetua perempuan.

Jadual 5.29 menunjukkan ANOVA antara kumpulan mengikut jantina iaitu lelaki dan perempuan yang dijalankan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa corak tingkah laku dimensi pendayautamaan struktur pengetua terhadap guru lelaki dan guru perempuan tidak begitu berbeza. Ini dapat digambarkan melalui nilai min jantina lelaki dan perempuan dalam Jadual 5.30:

Jadual 5.30

Min dimensi pendayautamaan struktur mengikut jantina: lelaki dan perempuan:

Kumpulan	Bilangan	Min	S.D
Lelaki	153	52.24	5.8350
Perempuan	107	50.78	5.81
Jumlah	260	51.63	5.82

Jadual 5.30 menunjuk responden dari kumpulan lelaki mempunyai min 52.24 manakala responden dari kumpulan perempuan mempunyai min 50.78. Ini menunjukkan bahawa tingkah laku pengetua melalui dimensi

pendayautamaan struktur terhadap guru lelaki dan guru perempuan tidak terdapat perbezaan yang signifikan iaitu layanan yang diberikan pengetua dalam dimensi ini hampir sama kepada semua guru lelaki dan perempuan.

Kesimpulannya, terdapat perbezaan persepsi guru lelaki dan guru perempuan mengenai tingkah laku kepimpinan pengetua terutama pada dimensi timbang rasa. Kumpulan lelaki menganggap pengetua lebih timbang rasa dari kumpulan perempuan. Tetapi tidak terdapat perbezaan persepsi mereka terhadap tingkah laku pengetua pada dimensi pendayautamaan struktur. Ini bermakna pengetua digambarkan lebih bertimbang rasa terhadap guru lelaki berbanding terhadap guru perempuan. Tetapi dari segi pelaksanaan tugas-tugas di sekolah digambarkan sama saja antara guru lelaki dan guru perempuan.

5.4.4: Perbezaan Persepsi Guru-Guru Mengikut Umur Terhadap Tingkah Laku Pengetua:

ANOVA telah digunakan untuk melihat perbezaan min antara kumpulan responden mengikut umur sama ada wujud perbezaan yang signifikan atau tidak mengenai tingkah laku pengetua dari segi dimensi timbang rasa dan dimensi pendayautamaan struktur.

Jadual 5.31

ANOVA tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi timbang rasa mengikut umur:

Sumber	DF	S.S	M.S	F Ratio	F Prob.
Antara Kumpulan	4	757.57	189.39	2.4555	.0463
Dalam Kumpulan	255	19667.65	77.13		
Jumlah	259	20425.22			

Jadual 5.31 menunjukkan ANOVA antara kumpulan mengikut kategori umur yang dijalankan mendapati terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap p= < .05. Ini menunjukkan bahawa corak tingkah laku pengetua dimensi timbang rasa ke atas kumpulan umur yang berlainan adalah berbeza. Ini dapat digambarkan dengan nilai min melalui Jadual 5.32:

Jadual 5.32 menunjukkan responden mengikut umur guru, mempunyai min yang berbeza-beza. Peringkat umur 35 hingga 39 nilai min ialah rendah (64.09) berbanding dengan kumpulan umur 40 hingga 44 tahun nilai min ialah tinggi (68.09). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku pengetua dimensi timbang rasa mengikut umur.

Jadual 5.32

Min dimensi timbang rasa mengikut umur:

Kumpulan	Bilangan	Min	S.D
Kurang dari 30 tahun	4	67.50	4.20
30 –34 tahun	32	66.72	8.62
35 – 39 tahun	69	64.09	9.26
40 – 44 tahun	149	68.09	8.76
Lebih dari 45 tahun	6	67.17	4.96
Jumlah	260	66.83	8.78

Jadual 5.33

ANOVA tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi pendayautamaan struktur mengikut umur:

Sumber	DF	S.S	M.S	F Ratio	F Prob.
Antara Kumpulan	4	480.49	120.12	3.6519	.0065
Dalam Kumpulan	255	8387.80	32.89		
Jumlah	259	8868.29			

Jadual 5.33 menunjukkan ANOVA antara kumpulan mengikut umur yang dijalankan mendapati terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap p= < .05. Ini menunjukkan bahawa corak tingkah laku dimensi pendayautamaan struktur pengetua antara kumpulan umur guru yang berlainan adalah berbeza. Ini dapat lagi digambarkan melalui nilai min dalam Jadual 5.34:

Jadual 5.34

Min dimensi pendayautamaan struktur mengikut umur:

Kumpulan	Bilangan	Min	S.D
Kurang dari 30 tahun	4	51.50	5.20
30 -34 tahun	32	51.09	6.54
35 - 39 tahun	69	49.55	5.85
40 – 44 tahun	149	52.70	5.48
Lebih dari 45 tahun	6	52.00	6.36
Jumlah	260	51.63	5.74

Jadual 5.34 menunjuk responden dari peringkat umur guru mempunyai min yang berbeza-beza. Peringkat umur 35 hingga 39 nilai min ialah rendah (49.55) berbanding dengan peringkat umur 40 hingga 44 tahun nilai min ialah tinggi (52.70). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan

yang signifikan tingkah laku pengetua dimensi pendayautamaan struktur mengikut umur yang berbeza guru dan pengetua .

Kesimpulannya, terdapat perbezaan persepsi mengikut umur yang berlainan mengenai tingkah laku kepimpinan pengetua dalam kedua-dua dimensi timbang rasa dan dimensi pendayautamaan struktur. Ini bermakna pengetua digambarkan lebih bertimbang rasa terhadap guru-guru yang berumur di antara 40 ke 44 tahun berbanding terhadap guru-guru yang berumur di antara 35 ke 39 tahun. Begitu juga dalam pendayautamaan struktur pengetua lebih tinggi kepada kumpulan umur yang lebih tinggi.

5.5: Analisis Perbezaan Persepsi Bagi Kumpulan Yang Berlainan Mengenai Tingkah Laku Kepimpinan Pengetua:

Bahagian ini menghuraikan sama ada wujud perbezaan antara kumpulan yang berlainan status (jawatan) responden terhadap dimensi timbang rasa dan dimensi pendayautamaan struktur dengan menggunakan. Ujian-t bagi sampel yang bebas iaitu status.

5.5.1: Perbezaan Persepsi Mengikut Status Mengenai Tingkah Laku Pengetua:

Analisis lanjut dibuat dengan menggunakan Ujian-t untuk melihat perbezaan min antara kumpulan responden mengikut gelaran (status) guru

atau pengetua sama ada wujud perbezaan yang signifikan atau tidak mengenai tingkah laku pengetua dari segi dimensi timbang rasa dan dimensi pendayautamaan struktur.

Jadual 5.35

Ujian-t tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi timbang rasa mengikut status jawatan: guru dan pengetua:

Kumpulan	Bil.	Min	S.D	t	s
Guru	234	66.82	9.08	3.457	.064
Pengetua	26	66.92	6.93		
Jumlah	260	66.82			

Jadual 5.35 menunjukkan Ujian-t antara kumpulan mengikut status yang dijalankan mengenai tingkah laku timbang rasa mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan (p= .064). Jadual 5.35 juga menunjukkan tidak ada perbezaan min yang signifikan antara kumpulan guru dengan kumpulan pengetua. Guru mempunyai min (66.82) yang agak sama dengan min pengetua (66.92). Perbezaan min = - .1068. Ini jelas menunjukkan bahawa tanggapan pengetua dan guru-guru terhadap tingkah laku pengetua pada dimensi timbang rasa adalah agak sama iaitu perbezaan tidak signifikan.

Jadual 5.36

Ujian-t tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi pendayautamaan struktur mengikut status jawatan: guru dan pengetua

Kumpulan	**Bil.**	**Min**	**S.D**	**t**	**s**
Guru	234	51.56	5.88	.033	.856
Pengetua	26	52.27	5.71		
Jumlah	260	51.63			

Jadual 5.36 menunjukkan Ujian-t antara kumpulan mengikut status yang dijalankan mengenai tingkah laku pendayautamaan struktur mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan (p= .856). Jadual 5.36 juga menunjukkan tidak ada perbezaan min yang signifikan antara kumpulan guru dengan kumpulan pengetua. Guru mempunyai min (51.56) yang agak sama dengan min pengetua (52.27). Perbezaan min = - .7051. Ini jelas menunjukkan bahawa tanggapan pengetua dan guru-guru terhadap tingkah laku pengetua pada dimensi pendayautamaan struktur adalah agak sama iaitu perbezaan tidak begitu besar dan signifikan.

Kesimpulannya, Ujian-t membuktikan tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan mengikut status yang berlainan mengenai tingkah laku kepimpinan pengetua dalam kedua-dua dimensi timbang rasa (p= .064)

dan dimensi pendayautamaan struktur (p= .856). Manakala perbezaan min pada kedua-dua dimensi itu ialah bagi timbang rasa = 66.83 dan bagi pendayautamaan struktur = 51.63. Ini bermakna corak tingkah laku kepimpinan pengetua digambarkan lebih tinggi pada dimensi timbang rasa daripada dimensi pendayautamaan struktur terhadap guru-guru sekolah menengah.